

**MINIT MESYUARAT UNIT HAL EHWAL MURID
SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN BANDAR BARU SALAK TINGGI
TAMAN DAHLIA, 43900 SEPANG
SELANGOR DARUL EHSAN
(BIL/TAHUN - 01/2009)**

Tarikh : 2 Januari 2009
Hari : Jumaat
Masa : 8.40 pagi
Tempat : Pusat Sumber Sekolah
Kehadiran :

Hadir

1. Tn. Hj. Muskamal bin Mohamad Jonan	-Pengetua(Penasihat)
2. Pn. Hjh Sabaria bt. Darut	-GPK HEM (Pengerusi)
3. Pn. Nik Noor Hasliza bt. Nik Li	-Setiausaha Unit HEM
4. Pn. Norzakiah bt. Abd. Razak	-Unit Disiplin
5. Cik Aida bt. Wahid	-Unit Bimbingan &Kaunseling
6. Pn. Sarimah@Zaiton bt Morobistah	-Unit SPBT
7. Pn. Amirul Nur Akimi bt. Abdullah	-Unit Biasiswa
8. Pn. Noorlida bt. Hassan	-Unit Kesihatan
9. Pn. Anidah bt. Sidek	-Unit Kebajikan
10. Pn. Hjh.Bahariah bt. Bahari	-Unit Kantin
11. Pn. Sharifah bt. Bahari	-Unit Asrama
12. Pn. Nariman bt. Marzuki	-Unit Pengurusan Pelajar PNB
13. Pn. Siti Suryani bt. Malat	-Unit Papan Kenyataan Sekolah
14. Pn. Hjh Noraini bt. Sulaiman	-Unit Pencegahan Denggi
15. Pn. Nik Sakura bt. Shamlee	-Unit Aset Alih
16. Pn. Roslin bt. Abd. Razak	-Unit Kebersihan Sekolah
17. En. Hazlyzam b. Abd. Hamid	-Unit Kebersihan Tandas
18. En. Halimi b. Naharawi	-Unit Pengawas
19. Pn. Che Azhani bt. Che Omar	-Penyelaras Tingkatan Tiga
20. Pn. Azizah bt. Yahaya	-Penyelaras Tingkatan Dua
21. Pn. Hjh. Siti Aisah bt. Jais	-Penyelaras Tingkatan Empat
22. Pn. Rohani bt. Othman	-Penyelaras Tingkatan Enam
23. Pn. Lili Fariza bt. Abd. Majid	-Unit Register
24. Pn. Rozita bt. Aluai	-Unit Dokumentasi

Tidak Hadir Bersebab

1. En. Solehin b. Abdullah	-Unit RIMUP
2. Pn. Siti Azizah bt. Kasim	-Unit Perhimpunan
3. Pn. Anny Azlina bt. Ahmad	-Unit KWAMP
4. Pn. Suryati bt. Ismail	-Unit PPDa
5. Pn. Chuah Gaik Suan	-Unit Rekod Murid
6. Pn. Rosnah bt. Abdul Latif	-Penyelaras Tingkatan Satu
7. Pn. Suraya bt. Mahmud	-Unit Orientasi Pelajar/PMD
8. Pn. Zanira bt. Azaming @ Azmi	-Unit Sekolah Selamat
	-Penyelaras Tingkatan Lima
	-Unit Bilik Gerakan / Mesyuarat

Tidak Hadir Tanpa Bersebab

Tiada

1. Kata Alu-aluan Pengerusi

- 1.1. Pengerusi memulakan mesyuarat dengan melahirkan ucapan terima kasih atas kehadiran hadirin dan menyatakan rasa penghargaan atas kesudian semua AJK Unit HEM terhadap pelantikan dan penerimaan jawatan untuk sesi 2009 . Seterusnya beliau menjemput Tuan Pengetua selaku Penasihat menyampaikan ucapan.

2. Ucapan Penasihat

Mesyuarat mengambil maklum akan saranan penasihat agar :

- (i) Unit HEM dianggap sebagai subunit yang amat penting dalam pentadbiran di sekolah sebagai sokongan kepada subunit kurikulum memandangkan subunit HEM berperanan membantu menyokong keberkesanan unit tersebut terutama dalam usaha menjaga kebajikan murid-murid di sekolah.
- (ii) setiap Unit HEM mengadakan mesyuarat masing-masing sekurang-kurangnya tiga kali setahun dan didokumentasikan dalam bentuk minit mesyuarat serta memaklumkan cadangan yang dibuat ke Mesyuarat Pengurusan Sekolah. Mesyuarat Kali Pertama setiap Unit HEM perlu diadakan untuk merancang program masing-masing sepanjang tahun 2009. Mesyuarat Kali Ke-2 bertujuan memantau sejauhmana perjalanan sesuatu program yang telah dirancang manakala Mesyuarat Kali Ke-3 perlu untuk penyediaan laporan bagi mengkaji kejayaan, kegagalan mahupun masalah yang wujud berkaitan program-program setiap unit yang telah dirancang sebelum ini.
- (iii) mengkaji Rancangan Strategi yang telah dibuat untuk setiap Unit HEM pada tahun lepas agar memilih 2 hingga 3 daripada rancangan-rancangan yang ada untuk dikenal pasti dan dilaksanakan secara lebih khusus pada tahun ini.

Tindakan: Semua Unit HEM

3. Perbincangan

3.1 Unit RIMUP

Mesyuarat mengambil maklum dan bersetuju bahawa Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP) yang merupakan satu rancangan integrasi antara sekolah dan antara kaum memerlukan satu perancangan aktiviti yang sewajarnya dan difikirkan lebih sesuai menjurus ke arah rancangan integrasi antara sekolah memandangkan sekolah diberi peruntukan Ringgit Malaysia 2 ribu untuk pelaksanaan program ini.

Tindakan: Unit RIMUP

3.2 Unit Disiplin

Mesyuarat mengambil maklum dan bersetuju:

- (i) keperluan pelaksanaan hukuman terhadap murid yang bermasalah oleh unit ini yang perlu diuruskan dari segi dokumentasinya, termasuk urusan menghantar mereka kepada Unit Bimbingan & Kaunseling.
- (ii) berdasarkan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 10/2001, iaitu "Semua guru Adalah Guru Disiplin" maka, adalah wajar semua guru berperanan agar cuba menyelesaikan apa-apa juga masalah disiplin yang ditimbulkan oleh murid dan hanya kes-kes disiplin yang tidak dapat diselesaikan sahaja perlu diserahkan kepada Unit Disiplin.

Tindakan: Unit Disiplin

3.3 Unit Bimbingan dan Kaunseling

Mesyuarat mengambil maklum dan bersetuju akan wujudnya persamaan dan perkaitan unit ini dengan Unit Disiplin kerana matlamat yang sama dalam unit ini iaitu membentuk sahsiah dan peribadi yang baik dalam kalangan murid walaupun pendekatan yang digunakan agak berbeza. Oleh itu segala cara pendekatan yang digunakan oleh unit ini akan disokong oleh pihak pentadbir selagi matlamatnya tidak lari daripada tujuan tersebut.

Tindakan: Unit Bimbingan dan Kaunseling

3.4 Unit SPBT

Mesyuarat mengambil maklum dan bersetuju akan urusan pihak unit ini yang semakin bertambah ekoran keperluan semua murid menerima skim pinjaman buku teks. Namun atas apa juga alasan, segala masalah yang timbul dalam unit ini perlu diselesaikan sewajarnya kerana keperluan penyediaan buku tersebut kepada semua murid wajar dijadikan keutamaan daripada segala-galanya.

Tindakan: Unit SPBT

3.5 Unit Kebajikan Pelajar

Mesyuarat mengambil maklum dan bersetuju:

- (i) agar semakin fail biasiswa dibuat pada peringkat awal oleh penyelaras.
- (ii) mengenal pasti murid yang perlu diberikan bantuan walaupun bilangannya tidak ramai agar tidak terlepas pandang dari segi kebajikan mereka. Untuk tujuan itu, maklumat murid berkaitan bolehlah diperoleh daripada guru-guru tingkatan.

Tindakan : Unit Kebajikan Pelajar

3.6 Unit Kantin

Mesyuarat mengambil maklum dan bersetuju:

- (i) keperluan unit ini memantau keadaan di kantin untuk memastikan keselesaan guru dan murid memandangkan pengusaha kantin merupakan orang baru yang kali pertama menjalankan perniagaan mengusahakan kantin sekolah.

- (ii) unit ini wajar membantu pengusaha kantin mewujudkan senario yang baru di sekolah ini dengan memberikan cadangan-cadangan dan pandangan-pandangan, bukan sahaja yang dikemukakan oleh pihak ahli jawatankuasa unit ini, malahan daripada guru-guru lain sekalipun bagi tujuan meningkatkan prestasi perkhidmatan pengusaha kantin terbabit..

Tindakan: Unit Kantin

3.7 Unit Asrama

Mesyuarat mengambil maklum dan bersetuju:

- i) terhadap perlantikan En. Muhammad Yunus Muhsin selaku Warden Lelaki dan Pn. Sharifah Bahari selaku Warden Perempuan.
- ii) memberi segala bentuk sokongan mahupun bantuan kewangan terhadap program-program anjuran pihak asrama untuk kepentingan murid-murid.
- iii) kes-kes rayuan penempatan murid ke asrama yang belum selesai hanya akan diberi pertimbangan apabila wujud kekosongan tempat apabila adanya murid-murid Tingkatan 4 keluar dari asrama setelah menerima tawaran daripada sekolah-sekolah berasrama penuh kelak.

Tindakan: Unit Asrama

3.8 Unit PPDa

Mesyuarat mengambil maklum dan bersetuju keperluan mewujudkan bilik/sudut/ruang/ laluan di kawasan sekolah bagi memaparkan maklumat tentang Pendidikan Pencegahan Dadah(PPDa) kepada murid.

Tindakan: Unit PPDa

3.9 Unit Orientasi Pelajar

Mesyuarat mengambil maklum dan bersetuju bahawa walaupun Program Maju Diri (PMD) yang kini tidak begitu diberi penekanan, namun pelaksanaannya wajar diteruskan untuk tujuan memantapkan kepimpinan diri murid.

Tindakan: Unit Orientasi Pelajar

3.10 Unit Rekod Pelajar

Mesyuarat mengambil maklum dan bersetuju agar unit ini memikirkan satu pendekatan terbaik bagi memastikan semua murid di sekolah ini dapat didaftarkan segera apabila melaporkan diri di sekolah ini tanpa berlaku sebarang keciciran dari segi maklumat diri mereka.

Tindakan: Unit Rekod Pelajar

3.11 Unit Sekolah Selamat/3K

Mesyuarat mengambil maklum dan bersetuju bahawa pemilihan sekolah sebagai sekolah perintis untuk program sekolah selamat memerlukan pihak jawatankuasa berbincang dan merancang sesuatu aktiviti khusus untuk menjayakan program tersebut.

Tindakan: Unit Sekolah Selamat

3.12 Unit Pengurusan Pelajar PNB

Mesyuarat mengambil maklum dan bersetuju:

- (i) bahawa pengurusan murid PNB walaupun tidak berat memandangkan mereka berada dalam pengawasan pihak PNB sendiri, namun penting untuk unit ini mendapatkan data-data mengenai murid tersebut serta mengenal pasti murid-murid berkenaan yang bermasalah.
- (ii) komen guru-guru untuk setiap murid juga perlu untuk simpanan maklumat selain mendapatkan maklumat TOV mereka bagi mengesan tahap pencapaian prestasi pelajaran mereka.

Tindakan: Unit Pengurusan Pelajar PNB

3.13 Unit Papan Kenyataan

Mesyuarat mengambil maklum dan bersetuju:

- (i) banyak maklumat yang boleh disediakan oleh unit ini agar paparan pada papan kenyataan boleh dijadikan bahan maklumat atau sumber bacaan tidak formal oleh murid yang akan membantu mengubah sikap, minda dan disiplin mereka.
- (ii) walaupun tiada peruntukan kewangan oleh pihak pentadbir, penglibatan kelab/persatuan kokurikulum boleh membantu bagi melengkapkan maklumat pada papan-papan kenyataan.
- (iii) 3 papan kenyataan baru akan diselia oleh unit ini bagi tujuan kegunaan menghebahkan informasi kepada murid dan mengelakkan penggunaan alat siaraya yang terlalu kerap.

Tindakan: Unit Papan Kenyataan

3.14. Unit Denggi

Mesyuarat mengambil maklum dan bersetuju:

- (iv) laporan tentang pemantauan denggi di sekitar kawasan sekolah perlu dibuat dan hasil laporan perlu ada untuk semakan pihak PPD pada setiap bulan.
- (v) bantuan pekerja swasta boleh digunakan berdasarkan persetujuan perjanjian antara pihak sekolah dengan pihak mereka dalam memeriksa dan memantau kawasan sekolah.
- (vi) AJK Unit Kebersihan Sekolah boleh dipohon bantuan untuk membantu memantau kawasan sekitar sekolah bagi penyediaan laporan denggi yang lebih telus.

Tindakan: Unit Denggi dan AJK Unit Kebersihan

4. Hal-hal Lain

Mesyuarat ambil maklum:

- (i) akan cadangan agar keselamatan kawasan sekolah dikenal pasti terutama di beberapa lokasi berbahaya dan berisiko sebelum ini kerana mengalami keretakan untuk dimaklumkan kepada murid.

Tindakan: Pentadbir Sekolah

- (ii) akan cadangan menetapkan peraturan secara bertulis penggunaan bilik sakit agar tidak disalah guna oleh murid dan memastikan pemberian ubat kepada murid hanya dibuat setelah mendapat persetujuan daripada ibu bapa / penjaga.

Tindakan: Penyelaras Kesihatan

- (iii) akan cadangan agar penggunaan plastik dikurangkan melalui perbincangan dengan pihak kantin dan koperasi bagi tujuan kebersihan dan pengurangan tempat-tempat air bertakung untuk mengelak pembiakan nyamuk.

Tindakan: Pentadbir Sekolah

- (iii) akan cadangan agar masalah murid datang lewat ke sekolah perlu diselesaikan bagi membendung peningkatan bilangan murid dalam masalah ini. Satu keselarasan dalam pengurusan pemilihan murid untuk menjadi Pengawas Sekolah secara umum juga difikirkan perlu dibuat untuk mengelak berlakunya ketirisan tenaga dalam kalangan murid.

Tindakan: Unit Disiplin & Pengawas

- (iii) akan cadangan penetapan peraturan penggunaan siaraya untuk membuat sesuatu pengumuman agar penggunaannya lebih sistematik.

Tindakan: Pentadbir Sekolah

5. Penangguhan Mesyuarat

- 5.1 Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada Penasihat dan mengharapkan komitmen dan kerjasama yang sewajarnya daripada semua yang hadir.

- 5.2 Mesyuarat ditangguhkan pada jam 10.20 pagi.

Dicatat oleh,

Disemak oleh:

(NIK NOOR HASLIZA BT. NIK LI)
Setiausaha Unit HEM 2009

(SABARIA BT. DARUT)
Penolong Kanan HEM
SMK Bandar Baru Salak Tinggi,
43900 Sepang.